



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

17 JANUARI 2021 (AHAD)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

17 JANUARI 2021 (AHAD)

Putrajaya: Kerajaan sudah meneliti semula dan ber-setuju terdapat keperluan bagi kedai cermin mata dan dobi layan diri dalam kawasan dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk beroperasi.

Dalam satu kenyataan semalam, Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, kebenaran beroperasi itu bagi mengambil kira keperluan rakyat yang memerlukan perkhidmatan berkenaan.

"Kebenaran ini tertakluk kepada syarat yang akan ditetapkan dalam prosedur pengoperasian standard (SOP) PKP yang akan diluarkan dalam tempoh terdekat," katanya.

Beliau berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) juga menganjurkan kepada pemain industri dalam sektor perdagangan dan pengedaran supaya memastikan pematuhan SOP PKP dilaksanakan sepenuhnya di premis masing-masing.

"Kegagalan memastikan SOP PKP dipatuhi boleh diambil tindakan seperti amaran, kompaun serta penu-

Umum perlu khidmat kedai cermin mata, dobi layan diri



KERAJAAN bersetuju dobi layan diri dalam kawasan PKP beroperasi tumpuan premis perniagaan," katanya.

Beliau menambah, sekiranya pematuhan itu masih gagal mencapai tahap yang memuaskan, KPDNHEP akan mengambil tindakan drastik termasuk menanggalkan kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk menutup terus operasi industri terbabit sewaktu perlaksanaan tempoh PKP.

Nanta berkata, menjadikan harapan KPDNHEP semua pihak terutama pemain industri dan pengguna mengambil peluang sepenuhnya pembukaan aktiviti ekonomi di bawah Sektor Perdagangan dan Pengedaran, dengan mematuhi semua SOP PKP yang berkuat kuasa.

Katanya, tindakan dan kerjasama semua pihak dapat

mengimbangi keperluan di antara kelangsungan ekonomi negara serta mengawal jangkitan Covid-19.

Sebarang pertanyaan, pemain industri dan orang ramai boleh menghubungi Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan (SPIP) di talian hotline 03-88825881/ 5905 atau melalui emel kepada spip@kpdnhep.gov.my.